

Kerajaan negeri cadang buat pembenihan awan atasi masalah bekalan air

Johor teruskan catuan air

JOHORBAHRU - Catuan air bagi sejumlah 115,000 pemilik akaun di kawasan Pasir Gudang, Masai dan Johor Bahru akan dilanjutkan sehingga paras air di Empangan Sungai Layang, Masai dekat sini naik kepada bacaan 23.5 meter.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, paras air di empangan itu ketika ini mencaatkan bacaan 19.1 meter berbanding paras normal 26.6 meter.

"Keadaan cuaca kering berlaku sejak dua tahun lalu dan bagi memastikan paras normal air di empangan Sungai Layang dapat dikekalkan, beberapa langkah akan dibuat termasuk mengepam air mentah dari Sungai Johor dan melakukan pembenihan awan," katanya kepada pemberita selepas meninjau

keadaan paras air di Empangan Sungai Layang di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir. Hasni Mohammad.

Mohamed Khaled berkata, langkah melaksanakan pembenihan awan secara dasarnya telah dipersetujui oleh kerajaan Singapura kerana ia bakal melibatkan ruang udara republik itu.

"Namun untuk mengikut prosedur, kerajaan negeri perlu hantar permohonan ke Kuala Lumpur (kerajaan Pusat). Kuala Lumpur akan berurusan dengan Singapura kerana ini melibatkan keputusan antara kedua-dua negara.

"Kita berharap Kuala Lumpur dapat menyegerakan perkara ini," katanya.

Catuan air yang mula dilaksanakan sejak 16 Ogos itu merupakan langkah masa panjang Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. (SAJ) untuk memanjangkan tempoh penyimpanan bekalan air di Empangan Sungai Layang selain mengagihkan bekalan air kepada pengguna terlibat.

Sementara itu, Hasni berkata, sebarang pembangunan di kawasan empangan tidak akan diluluskan pada masa depan bagi memastikan ia tidak menjejaskan zon penampungan di kawasan empangan.

"Kita akan memantau keadaan ini termasuk aktiviti pertanian. Setakat ini, untuk menjaga zon itu, kerajaan telah membatalkan beberapa hak milik (pembangunan) yang dikurniakan kepada pihak berkaitan," katanya. - Bernama



MOHAMED KHALED dan Hasni (kanan) melihat peta kawasan tadahan air sambil diberi taklimat oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Md. Za'nal Misran (kiri) ketika meninjau Empangan Sungai Layang di Masai dekat Johor Bahru semalam.